




ILMU AKHLAK

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Mengenali dan memahami ilmu Akhlak:**
Peserta akan memperoleh pemahaman tentang pengertian akhlak, sumber dan dalil berakhlak, perbezaan antara akhlak dan moral serta keistimewaan, keutamaan dan kelebihan akhlak.
- b) **Memahami pembentukan akhlak dan hubungannya:**
Peserta akan memperoleh pengetahuan tentang faktor-faktor pembentukan akhlak, hubungan dan perkaitan antara akidah dan akhlak serta hubungan antara ibadah utama dengan akhlak.
- c) **Mempelajari beberapa akhlak dengan Allah:** Peserta akan mengenali dan mempelajari beberapa akhlak dengan Allah yang digariskan para ulama termasuk ikhlas, *muraqabah* dan lain-lain.
- d) **Mempelajari beberapa akhlak dengan individu:** Peserta akan mengenali dan mempelajari beberapa akhlak terhadap diri dan secara individu termasuklah tawaduk, memelihara masa dan lain-lain.
- e) **Mempelajari beberapa akhlak dengan masyarakat:**
Peserta akan mengenali dan mempelajari beberapa akhlak dalam bermasyarakat seperti beramal kebajikan, bersifat adil dan

SESI PERTAMA

Pengenalan Ilmu Akhlak

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh pemahaman tentang pengertian akhlak, sumber dan dalil berakhlak, perbezaan antara akhlak dan moral serta keistimewaan, keutamaan dan kelebihan akhlak.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Pengertian Akhlak
- Sumber dan Dalil Berakhlak
- Perbezaan antara Akhlak dan Moral
- Keistimewaan Akhlak
- Penutup

Pendahuluan

Masyarakat Arab waktu sebelum kedatangan Islam dipanggil dengan gelaran jahiliah, suatu gelaran yang berunsurkan perkataan jahil. Mereka jahil dengan erti kata tidak memiliki ilmu pengetahuan yang bermanfaat buat mereka.

Menurut Ibnu al-Atsir, jahiliah merupakan keadaan orang Arab sebelum kedatangan Islam yang jahil tentang Allah, jahil tentang rasul-Nya dan jahil tentang hukum-hakam dan syariat Allah. Hidup mereka terumbang-ambing tanpa hidayah dan petunjuk agama.

Oleh itu, kedatangan agama Islam merupakan sebuah rahmat yang menyinari kejahilan dan kegelapan ini. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

Ertinya: *"Sesungguhnya aku hanya diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak."*

(Riwayat Ahmad, no. 8952)

Jelas sekali, kedatangan Islam datang untuk mengangkat nilai-nilai akhlak yang baik. Ibadah dan pensyariatan Islam melalui utusan dan risalah Baginda Nabi SAW adalah bertujuan untuk manusia dapat hidup dengan akhlak yang baik.

Pengertian Akhlak

Dari segi bahasa, akhlak bermaksud budi pekerti, watak, kelakuan dan tabiat.

Dari segi istilah pula menurut Imam al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*, akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa yang melahirkan pelbagai perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan kepada pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Sekiranya sifat ini melahirkan suatu perbuatan yang cantik dan terpuji secara akal dan syarak, maka ia dipanggil akhlak yang baik. Jika sebaliknya, maka ia dipanggil akhlak yang buruk.

Akhlak mestilah merupakan sesuatu yg tertanam, meresap dan menetap dalam jiwa seseorang tersebut. Sekiranya seseorang itu jarang-jarang sekali menderma dan tiba-tiba dia melakukannya untuk suatu hajat, maka orang ini tidak dipanggil pemurah selagimana ia tidak benar-benar tertanam dalam jiwanya.

Akhlak juga mestilah sesuatu yang dibuat secara mudah atau spontan tanpa perlu untuk berfikir dan membuat pertimbangan terlebih dahulu. Seandainya seseorang itu perlu memaksa dirinya atau bersusah-payah untuk mendermakan hartanya atau juga menahan kemarahan, orang seperti ini juga tidak dipanggil pemurah mahupun penyabar.

Sumber Dan Dalil Berakhlak

Al-Quran dan hadis merupakan sumber bagi manusia dalam membentuk akhlak mulia. Banyak sekali dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis yang menjelaskan tentang contoh-contoh akhlak mulia yang perlu dimiliki.

Akhlak yang baik boleh membawa seseorang menerima ganjaran pahala, rahmat dan kasih sayang daripada Allah SWT. Akhlak yang buruk pula boleh membawa dosa di dunia serta kemurkaan Allah SWT.

Dalam al-Quran, Allah SWT menjelaskan tentang akhlak Rasulullah SAW menerusi firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۚ

Ertinya: *"Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia."*

(Surah al-Qalam 68: 4)

Sayidatina Aisyah juga pernah ditanya tentang akhlak Nabi SAW. Maka, Aisyah pun menjawab seraya mengakui indahnya akhlak Nabi SAW dengan berkata:

كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ

Ertinya: *"Akhlak Nabi SAW adalah al-Quran."*

(Riwayat Ahmad, no. 25302)

Dalam mengulas hadis ini, kata Ibnu Katsir dalam *al-Fusul fi al-Sirah*: "Maknanya adalah bahawasanya Baginda telah mewajibkan dirinya untuk tidak melakukan kecuali apa yang diperintahkan oleh al-Quran dan tidak meninggalkan kecuali apa yang dilarang oleh al-Quran. Kepatuhan kepada perintah Tuhan telah menjadi akhlak dan tabiatnya. Selawat dan salam Allah ke atasnya hingga hari kiamat."

Sebagai umat Islam, sudah pastilah akhlak Nabi SAW yang perlu diteladani dan diikuti. Allah SWT merakamkan perkara ini dalam firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Ertinya: *"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."*

(Surah al-Ahzaab 33: 21)

Perbezaan Antara Akhlak Dan Moral

Akhlak merupakan sistem tingkah laku manusia yang berasaskan wahyu atau syarak.

Moral pula bererti tingkah laku yang telah ditentukan oleh etika. Baik atau buruk tingkah laku adalah bergantung pada etika individu. Etika merupakan sistem tingkah laku manusia yang bersumberkan falsafah atau daya manusia. Ia bermaksud nilai atau perkara yang berkaitan sikap yang menentukan tingkah laku individu.

Antara perbezaan akhlak dengan moral ialah:

1. Akhlak merupakan sistem yang menilai tindakan zahir dan batin manusia. Manakala moral pula sekadar menilai tindakan luaran manusia sahaja.
2. Akhlak merangkumi pemikiran, perasaan dan niat dalam hubungan dengan Allah SWT, hubungan antara manusia dan hubungan dengan semua makhluk ciptaan Allah SWT. Moral pula tidak mengutamakan hubungan antara Allah SWT dan sesama manusia.
3. Nilai akhlak bersumberkan al-Quran dan contoh teladan daripada Rasulullah SAW, manakala moral ditentukan oleh manusia.
4. Nila-nilai akhlak bersifat kesempurnaan dan mutlak manakala nilai-nilai moral bersifat sementara dan subjektif.

Keistimewaan Akhlak

Beberapa keistimewaan, keutamaan dan kelebihan akhlak ialah:

1. Mencerminkan Keimanan

Akhlak merupakan antara bukti keimanan seseorang apabila keimanan yang sempurna dapat dilihat melalui kemuliaan akhlaknya. Islam dengan jelas sekali meletakkan hubungan rapat antara iman dengan akhlak.

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا، أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا، وَخَيْرُهُمْ خِيَارُهُمْ لِنِسَائِهِمْ

Ertinya: "Orang-orang Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya dan yang paling baik antara mereka adalah yang paling baik terhadap isteri-isterinya."

(Riwayat Ahmad, no. 7402)

2. Memberatkan Timbangan Amal

Akhlak yang baik memberatkan timbangan amal kebaikan seseorang. Daripada Abu al-Darda', Rasulullah SAW bersabda:

مَا شَيْءٌ أَثْقَلُ فِي مِيزَانِ الْمُؤْمِنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ خُلُقٍ حَسَنٍ.
وَإِنَّ اللَّهَ لَيُبْغِضُ الْفَاحِشَ الْبَذِيءَ .

Ertinya: "Tidak ada suatu perkara yang lebih berat pada timbangan seorang mukmin pada hari kiamat berbanding akhlak yang baik. Sesungguhnya Allah amatlah murka terhadap seorang yang keji lagi jahat."

3. Menyempurnakan Risalah Islam

Nabi Muhammad SAW diutuskan oleh Allah SWT untuk mengajak manusia agar beriman kepada Allah SWT, satu-satunya tuhan yang layak disembah. Nabi Muhammad SAW juga membawa nilai-nilai akhlak yang mulia dalam menyempurnakan risalah Islam agar dapat dijadikan panduan dan pedoman buat seluruh manusia.

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Ertinya: *"Sesungguhnya aku hanya diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak."*

(Riwayat Ahmad, no. 8952)

4. Pendekatan Dakwah Berkesan

Keindahan akhlak yang ditonjolkan oleh umat Islam telah menarik minat manusia untuk mendekati agama Islam. Lihatlah keindahan akhlak Rasulullah SAW sendiri yang telah menawan hati masyarakat Islam dan bukan Islam. Inilah impak positif yang dapat dihasilkan seandainya diterapkan nilai-nilai murni akhlak yang sebenar sebagaimana yang diajarkan dalam al-Quran.

Firman Allah SWT:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

Ertinya: *"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk."*

(Surah al-Nahl 16: 125)

Penutup

Sheikh Rasyid Reda dalam *Tafsir al-Manar* menukilkan ungkapan yang indah daripada penyair yang terkenal dari Mesir, Ahmad Syauqi yang pernah menyebut:

وَإِنَّمَا الْأُمَمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ ... فَإِنْ هُمْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

Ertinya: “Hanyalah kekal suatu bangsa itu selagi mana ada akhlaknya.

Andai akhlak mereka telah tiada, mereka pun akan turut tiada.”

SESI KEDUA

PEMBENTUKAN AKHLAK DAN HUBUNGANNYA

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh pengetahuan tentang faktor-faktor pembentukan akhlak, hubungan dan perkaitan antara akidah dan akhlak serta hubungan antara ibadah-ibadah utama dengan akhlak.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Faktor-faktor Pembentukan Akhlak
- Hubungan antara Akidah dan Akhlak
- Hubungan antara Ibadah dan Akhlak: Bahagian 1
- Hubungan antara Ibadah dan Akhlak: Bahagian 2
- Penutup

Pendahuluan

Akhlak sangat penting dalam kehidupan seorang Muslim. Para ulama dahulu kala sentiasa memberikan nasihat dan menitipkan pesanan tentang kepentingan dan keutamaan akhlak ini. Nasihat dan pesanan seperti inilah yang sewajarnya diwariskan daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya.

Al-Khatib al-Baghdadi menukulkan dalam *al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'* bahawa Ibrahim bin Habib bin al-Syahid berkata, "Ayahku ada berpesan:

يَا بُنَيَّ، إِيَّتِ الْفُقَهَاءَ وَالْعُلَمَاءَ. وَتَعَلَّمْ مِنْهُمْ. وَخُذْ مِنْ آدَابِهِمْ
وَأَخْلَاقِهِمْ وَهَدْيِهِمْ. فَإِنَّ ذَاكَ أَحَبُّ إِلَيَّ لَكَ مِنْ كَثِيرٍ مِنَ الْحَدِيثِ

Ertinya: 'Wahai anakku, datanglah kepada para fuqaha dan ulama. Belajarlah daripada mereka. Ambillah adab-adab, akhlak-akhlak dan tingkah laku mereka. Sesungguhnya itu lebih aku sukai untukmu daripada banyaknya (menulis) hadis."

Hal yang sama disebutkan juga oleh tokoh fiqh yang terkenal, iaitu Imam Abu Hanifah. Al-Qadi 'Iyad dalam *Tartib al-Madarik* menyebutkan kata-kata Imam Abu Hanifah:

الْحِكَايَاتُ عَنِ الْعُلَمَاءِ وَمَحَاسِنُهُمْ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ كَثِيرٍ مِنَ
الْفِقْهِ؛ لِأَنَّهَا آدَابُ الْقَوْمِ.

Ertinya: "Kisah-kisah tentang para ulama dan keindahan akhlak mereka lebih aku sukai daripada memperbanyak perbahasan fiqh. Hal ini kerana kisah-kisah ini mengandungi (pengajaran) adab-adab mereka"

Faktor-Faktor Pembentukan Akhlak

Para ulama menggariskan dua faktor umum yang utama dalam pembentukan akhlak, iaitu:

- 1) **Faktor pewarisan**
- 2) **Faktor persekitaran**

Dua faktor ini menjadi faktor umum yang digariskan. Jika diperincikan lagi faktor-faktor umum ini, antara faktor yang memainkan peranan penting tersebut ialah:

Pertama: Faktor Ibu Bapa

Sejak memilih calon pasangan lagi Islam ajarkan untuk memilih yang terbaik untuk bakal anak-anak nanti. Aisyah menyebutkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَخَيَّرُوا لِنُطْفِكُمْ، وَانْكَحُوا الْأَكْفَاءَ، وَانْكَحُوا إِلَيْهِمْ

Ertinya: “Pilihlah bakal pasangan yang terbaik untuk bakal zuriat kalian, berkahwinlah kalian dengan pasangan yang sekufu dan kahwinkanlah mereka dengan pasangan yang sekufu.”

(Riwayat Ibnu Majah, no. 1968)

Begitulah juga Rasulullah SAW memuji sesiapa yang berakhlak baik dengan keluarganya, yang sudah tentulah nanti akan meninggalkan kesan akhlak yang baik kepada keluarganya. Daripada Aisyah juga Nabi SAW bersabda:

إِنَّ أَكْمَلَ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا، وَأَلْطَفُهُمْ بِأَهْلِهِ

Ertinya: “Sesungguhnya orang beriman yang paling sempurna ialah orang yang paling baik akhlaknya dan yang paling mesra dengan ahli keluarganya.”

(Riwayat Ahmad, no. 24677)

Kedua: Faktor Pemakanan

Pemakanan memainkan peranan penting dalam pembentukan seorang manusia. Hal ini bukanlah dari sudut jasmani sahaja, malah rohani juga begitu. Untuk pembinaan rohani seseorang manusia, agama Islam sangat menitikberatkan soal halal dan sucinya sesuatu makanan. Makanan yang baik yang diredai Allah, insya-Allah akan mempengaruhi jiwa dan fizikal ke arah yang lebih baik.

Ketiga: Faktor Media Massa/Media Sosial

Peranan media massa atau media sosial dalam pembentukan minda dan pemikiran manusia tidak dapat dinafikan sama sekali. Dunia di hujung jari menjadikan pelbagai pengaruh tidak kira sama ada positif atau negatif dibawa dengan begitu cepat sekali. Padahal kesannya begitu besar sekali. Baik atau buruk akan diserap oleh setiap lapisan masyarakat yang menggunakan mana-mana akaun media sosial atau melalui media massa seperti televisyen, radio dan lain-lain.

Sekiranya sebuah cerita buruk atau melibatkan dosa disampaikan melalui wadah ini, rangkaian dosa juga turut terikut sama. Begitulah juga sebaliknya. Sekiranya sebuah perkongsian ilmu, bermanfaat dan positif dikongsikan, maka pahalanya juga berpanjangan. Alangkah beruntungnya.

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى، كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا. وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ، كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبِعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا

Ertinya: “Sesiapa yang menyeru kepada hidayah, maka baginya pahala seperti pahala-pahala sesiapa yang mengikutinya, tidak dikurangkan suatu pun daripada pahala-pahala mereka. Sesiapa yang menyeru kepada kesesatan pula maka ke atasnya dosa seperti dosa orang-orang yang mengikutinya tanpa dikurangkan sedikit pun daripada dosa-dosa mereka.”

Keempat: Faktor Rakan Sebaya

Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak dan peribadi seseorang. Oleh sebab itu, Islam sangat mementingkan pemilihan rakan yang hendak kita jadikan sebagai sahabat. Boleh jadi seseorang telah dididik dengan ilmu agama secara baik dari kecil, namun apabila dia salah pilih kawan, dia hanyut dan terjebak dengan perkara-perkara yang tidak sepatutnya.

مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالْجَلِيسِ السَّوِّءِ كَمَثَلِ صَاحِبِ الْمِسْكِ وَكَبِيرِ الْحَدَّادِ. لَا يَغْدُمُكَ مِنْ صَاحِبِ الْمِسْكِ: إِمَّا تَشْتَرِيهِ أَوْ تَجِدُ رِيحَهُ، وَكَبِيرِ الْحَدَّادِ: يُحْرِقُ بَدَنَكَ أَوْ ثَوْبَكَ، أَوْ تَجِدُ مِنْهُ رِيحًا خَبِيثَةً

Ertinya: “Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti penjual haruman kasturi dan tukang besi. Engkau akan mendapatkan wangiannya ataupun dapat mencium bau harumannya daripada pemilik kasturi. Sedangkan daripada tukang besi pula percikan apinya boleh terkena tubuhmu atau pakaianmu, atau engkau akan menghidu bau busuk daripadanya.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 1995)

Hubungan Antara Akidah Dan Akhlak: Bahagian 1

Hubung kait antara ibadah dengan akhlak pada hakikatnya sangat mudah dilihat. Amal ibadat utama dalam Islam jelas sekali mempunyai objektif akhlaknya yang tersendiri.

Pertama: Solat

Solat merupakan ibadah yang dilakukan oleh orang-orang Islam pada setiap hari. Solat mempunyai peranan yang cukup besar dalam kehidupan seorang Muslim. Bahkan solat juga mempunyai peranan yang besar dalam mendidik diri daripada terjerumus dalam perkara-perkara yang dinilai sebagai tidak berakhlak.

Firman Allah SWT:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Ertinya: “Dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.”

(Surah al-‘Ankabut 29: 45)

Kedua: Zakat

Begitu juga zakat yang mempunyai peranan yang sungguh besar dalam pembentukan akhlak. Zakat sering kali dipadankan dengan perkataan penyucian dan pembersihan. Firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ

Ertinya: “Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk).”

(Surah at-Taubah 9: 103)

Hubungan Antara Akidah Dan Akhlak: Bahagian 2

Ketiga: Puasa

Puasa merupakan sebuah madrasah yang melatih manusia dengan sungguh intensif. Dengan menahan diri daripada makan minum serta keinginan syahwat, puasa melatih seorang Muslim dalam pelbagai perkara dan kesemuanya itu membawa kepada tujuan yang sungguh besar, iaitulah takwa.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ١٨٣

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa.”

(Surah al-Baqarah 2: 183)

Keempat: Haji

Haji juga mempunyai pelbagai hikmah yang tersendiri. Melalui ibadah haji, elemen akhlak tidak sesekali dipinggirkan bahkan ia diperkasakan melalui ibadah yang agung ini. Firman Allah SWT:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا
تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ اللَّهُ وَتَرَوْدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الرَّادِ التَّقْوَى
وَأَتَّقُوا يَأُولِي الْأَلْبَابِ ١٩٧

Ertinya: “(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian, sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri; dan tidak boleh membuat maksiat; dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (daripada keaiban meminta sedekah); dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikirkan dan memahaminya).”

(Surah al-Baqarah 2: 197)

Begitulah dekatnya ibadah-ibadah ini dengan akhlak. Sekiranya makna dan objektif amal ibadat ini tidak terlaksana, ia seolah-olah hilanglah rohnya. Oleh sebab itulah, adanya hadis-hadis yang menambahkan lagi penekanan terhadapnya dan menyerlahkan sisi penting akhlak dalam ibadah.

Contohnya adalah hadis tentang orang yang berpuasa namun tetap berdusta. Dripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ، فَلَيْسَ بِهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

Ertinya: “Sesiapa yang tidak meninggalkan ucapan yang dusta dan beramal dengan pembohongan tersebut, maka Allah tidak berhajat ke atas perbuatannya meninggalkan makanan dan minumannya.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 1804)

Penutup

Kata Ibnu Qayyim al-Jauziyyah dalam Madarij al-Salikin,

الدِّينُ كُلُّهُ خُلُقٌ. فَمَنْ زَادَ عَلَيْكَ فِي الْخُلُقِ، زَادَ عَلَيْكَ فِي الدِّينِ

Ertinya: “Agama ini seluruhnya akhlak. Maka sesiapa yang mengunggulimu dalam akhlak, dia juga mengunggulimu dalam agama.”

Pengamalan agama seseorang itu dimanifestasikan oleh pegangan akhlaknya. Iman dan ilmu yang dimiliki seseorang sepatutnya mestilah membuahkan akhlak sebagai buahnya yang manis dan indah rasanya. Lebih mendalam ilmu agama seseorang juga sudah pastilah sepatutnya lebih tinggi akhlaknya.

SESI KETIGA

AKHLAK DENGAN ALLAH

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan mengenali dan mempelajari beberapa akhlak dengan Allah yang digariskan para ulama termasuk ikhlas, *muraqabah* dan lain-lain.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Ikhlas kerana Allah
- Menghadirkan sifat Muraqabah
- Sentiasa Bermuhasabah Diri
- Tawakal kepada Allah
- Bersyukur kepada Allah
- Bersabar dengan Ujian yang Menimpa
- Taubat kepada Allah
- Takwa kepada Allah
- Penutup

Pendahuluan

Antara cerita yang begitu baik untuk diambil teladan ialah kisah keikhlasan Ibn al-Mubarak. Kisah ini diceritakan oleh Ibn Abi Hatim dalam al-Jarh wa al-Ta'dil.

Muhammad bin A'yun, yang banyak menemani Ibn al-Mubarak dalam perjalanannya pernah bercerita:

“Pada suatu malam, ketika kami sedang dalam ekspedisi ke Rom, Ibn al-Mubarak berpura-pura meletakkan kepalanya untuk menunjukkan kepadaku seolah-olah beliau hendak tidur. Aku pula berbaring, memegang lembingku dan meletakkan kepalaku di atas lembing seolah-olah aku juga hendak tidur.

Setelah beliau menyangka aku dah pun tidur, maka beliau pun bangun dan mula menunaikan solat. Beliau berterusan solat sehinggalah terbit fajar, sementara aku pula hanya memerhatikannya.

Ketika fajar terbit itu, beliau datang kepadaku dan menggerakkanku untuk bangun dalam keadaan beliau menyangka aku sedang tidur, dan berkata, ‘Wahai Muhammad.’ Aku pun menjawab, ‘Saya sebenarnya tak tidur pun.’

Lantas ketika beliau mendengar ucapanku itu, aku tidak pernah melihatnya berbicara atau beramah mesra denganku lagi dalam mana-mana ekspedisi selepas itu, seolah-olah beliau sangat tidak suka aku mengetahui amalan beliau tersebut.

Begitulah sifatnya yang aku kenali sehinggalah beliau meninggal dunia. Aku tidak pernah melihat seorang pun yang lebih merahsiakan kebaikan berbanding beliau.”

Ikhlas Kerana Allah

Ikhlas bermaksud suci murni, yang tidak bercampur dengan sesuatu yang lain. Ikhlas dalam beribadah bererti ibadah tersebut dikerjakan semata-mata kerana Allah SWT. Ia tidak dilakukan kerana mengharapkan pujian, harta, gelaran, kemasyhuran dan lain-lain.

Inilah slogan yang kita pegang dan semat dalam dada kita melalui ibadat yang kita lakukan hari ke hari, iaitu sebagaimana firman Allah SWT:

قُلْ إِنِّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ ١٦٢ لَا شَرِيكَ لَهُ ۚ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ۝ ١٦٣

Ertinya: “Katakanlah, ‘Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan setiap alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama – (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya.”

(Surah al-An‘am 6: 162 - 163)

Dalam al-Quran, Allah SWT jelaskan bahawa objektif yang telah ditetapkan bagi hidup manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah. Firman Allah SWT:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ۝

Ertinya: “Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadah kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.”

(Surah al-Bayyinah: 98: 5)

Hadis pertama yang biasa kita pelajari juga adalah hadis niat. Daripada Umar al-Khattab, Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Ertinya: “Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut apa yang dia niat.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 1)

Menghadirkan Sifat *Muraqabah*

Muraqabah secara bahasa bermaksud pengawasan. Ia bererti seseorang itu sentiasa mengawal dirinya dan dia tahu dirinya sentiasa diawasi dan diperhatikan oleh Allah SWT. Setiap gerak langkah, tutur kata dan tindak-tanduk dirinya sentiasa dipastikan berada pada kedudukan yang betul di sisi Islam. Ia dilakukan agar tidak terjatuh dan terjerumus ke lembah kejahatan dan kehinaan.

Akhlag ini diamalkan sesuai dengan tahap ihsan yang digagaskan dalam hadis Jibril yang terkenal, iaitu ketika Jibril bertanya kepada Nabi SAW tentang maksud ihsan, maka jawab Nabi SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ، فَإِنَّهُ يَرَاكَ.

Ertinya: “(Ihsan ialah) engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihat-Nya, maka Dia melihat engkau.”

(Riwayat Muslim, no. 8)

Sifat ini diperlukan dalam setiap amalan, baik yang melibatkan hal duniawi mahupun ukhrawi. Sebagai contoh, pekerja yang sentiasa ada rasa *muraqabah* akan sentiasa mengawal dan mengawasi dirinya tanpa memerlukan kepada pengawal atau pengawasan luar terhadap dirinya. Dia sendirilah yang mengawal dirinya kerana dia tahu bahawa Allah SWT berfirman:

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ۝

Ertinya: “Dan Dia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.”

(Surah al-Hadid: 57: 4)

Sentiasa Bermuhasabah Diri

Jika memperbetulkan niat agar ikhlas kepada Allah SWT dilakukan sebelum sesuatu amalan atau perbuatan, *muraqabah* pula ketika melakukannya, maka muhasabah diri dilakukan selepas sesuatu amalan atau perbuatan.

Dalam sebuah hadis, Nabi SAW menyebut:

الْكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ.

Ertinya: “Orang yang pandai adalah orang yang sentiasa bermuhasabah dirinya dan beramal untuk kehidupan selepas kematian.”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 2459)

Begitulah juga kata-kata daripada Umar al-Khattab yang menyebut:

حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا.

Ertinya: “Hisablah diri kamu sebelum kelak kamu dihisab.”

Muhasabah diri inilah yang membawa seseorang untuk sentiasa berusaha:

- 1) Memperbetulkan kesalahannya.
- 2) Melengkapkan apa yang kurang.
- 3) Menambah baik apa yang perlu.
- 4) Mengelakkan seseorang takjub dan tertipu dengan diri dan amalan sendiri.
- 5) Mengelakkan daripada merendah-rendahkan orang lain.

Tawakkal Kepada Allah

Tawakkal ialah meletakkan pergantungan hanya kepada Allah SWT setelah berazam dan berusaha. Firman Allah SWT:

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ١٥٩

Ertinya: “Apabila kamu berazam (mengerjakan sesuatu), maka bertawakallah pada Allah.”

(Surah Ali ‘Imran 3: 159)

Bertawakkal bukanlah bermaksud meninggalkan usaha atau lalai dalam berusaha dengan alasan bergantung kepada bantuan Allah SWT. Sikap ini hanyalah sikap mengharapkan sesuatu tanpa sebarang usaha, bukan pula merupakan pengertian tawakkal yang sebenar.

Ketika seseorang bertanya kepada Nabi SAW sama ada ingin mengikat atau meninggalkan untanya dan kemudian bertawakkal kepada Allah SWT, Nabi SAW membalas dengan bersabda:

اغْلُظْهَا وَتَوَكَّلْ.

Ertinya: “Ikatlah (untamu) dan kemudian bertawakallah (kepada Allah).”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 2517)

Hadis Nabi ini sepatutnya menjadi slogan setiap Muslim untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam mengambil langkah berjaga-jaga, mengatur langkah-langkah yang perlu diambil dan kemudiannya menyerahkan kepada Allah.

Bersyukur Kepada Allah

Syukur merupakan pengiktirafan terhadap kurniaan Allah dengan memujinya. Syukur dizahirkan atas kesan nikmat pada lidah, hati dan anggota badan dengan lidah digunakan untuk memuji, hati pula digunakan untuk mengiktiraf dan anggota badan pula digunakan untuk melakukan perkara mengikut apa yang diredai-Nya.

Seperti yang disebutkan, syukur terbahagi kepada tiga, iaitu:

1. Syukur dengan hati

Iaitu mengakui dalam hati bahawa segala nikmat bersumberkan Allah SWT dan tiada siapa pun yang mampu menghitungnya. Firman Allah SWT:

وَمَا بِكُمْ مِّنْ نِّعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ

Ertinya: “Apa-apa nikmat yang ada pada kamu, maka ia adalah daripada Allah.”

(Surah al-Nahl 16: 53)

2. Syukur dengan lidah

Iaitu memuji Allah SWT dengan kata-kata. Contohnya, apabila kita ingin menaiki kenderaan, kita dianjurkan untuk mengucapkan bacaan sebagaimana yang kita belajar daripada ayat al-Quran ini:

وَالَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ الْفُلْكِ وَالْأَنْعَامِ مَا تَرْكَبُونَ ۚ ۱۲ لِّتَسْتَوُوا عَلَىٰ ظُهُورِهِ ثُمَّ تَذْكُرُوا نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذَا اسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ۚ ۱۳ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ۚ ۱۴

The background of the page is a faded, light-colored image of a mosque with a large dome and minarets. On the left side, there are two vertical panels: the top one shows a close-up of a dome and minaret, and the bottom one shows a tall, slender minaret.

Ertinya: *“Dan Dia(lah) yang menciptakan sekalian makhluk yang berbagai-bagai jenisnya; dan Ia mengadakan bagi kamu kapal-kapal dan binaatang ternak yang kamu dapat mengenderainya. Supaya kamu duduk tetap di atasnya; kemudian kamu mengingat nikmat Tuhan kamu apabila kamu duduk tetap di atasnya, serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan: ‘Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kendaraan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali.’”*

(Surah az-Zukhruf 43: 12-14)

3. Syukur dengan anggota badan

laitu menggunakan nikmat yang dikurniakan oleh Allah untuk melakukan kebaikan dan ketaatan kepada-Nya serta memberi manfaat kepada makhluk lain. Termasuk jugalah dengan tidak menggunakan nikmat tersebut untuk perkara yang haram atau maksiat malah tidak juga memudaratkan orang lain.

Firman Allah SWT:

كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ بَلَدَةً طَيِّبَةً وَرَبُّ غَفُورٌ ۝ ١٥

Ertinya: *“Makanlah daripada rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun.”*

(Surah Saba' 34: 15)

Bersabar Dengan Ujian Yang Menimpa

Sabar merupakan pelengkap kepada syukur kerana dalam kehidupan ini terdapat nikmat dan musibah, terdapat kesenangan dan kesusahan. Nikmat dan kesenangan ini dihadapi dengan syukur sementara musibah dan kesusahan dihadapi dengan sabar.

Allah SWT juga meletakkan sifat syukur dan sabar ini sekali dalam al-Quran, sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ هـ

Ertinya: “Sesungguhnya yang demikian itu, mengandungi tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah bagi tiap-tiap seorang yang kuat bersabar, lagi kuat bersyukur.”

Begitu juga sebagaimana yang disebutkan dalam hadis Nabi SAW. Suhaib al-Rumi meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda Nabi:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ. وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ. إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ، شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ. وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ، صَبَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

Ertinya: “Ajaibnya urusan seorang Mukmin, sungguh semua urusannya adalah baik belaka. Hal itu tidaklah ada bagi seorang pun melainkan bagi orang Mukmin sahaja. Jika dia mendapat suatu perkara yang menyenangkan, dia bersyukur, maka itu ialah kebaikan baginya. Dan jika dia mendapat suatu perkara yang menyusahkan, dia bersabar, maka itu juga ialah kebaikan baginya.”

(Riwayat Muslim, no. 2999)

Terdapat pelbagai bentuk kesabaran yang boleh diperincikan:

1. Kesabaran mungkin terjadi terhadap ujian dan ketetapan Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ
الصَّابِرِينَ ۝١٥٥ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ۝١٥٦

Ertinya: “Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata, ‘Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

(Surah al-Baqarah 2: 155-156)

2. Kesabaran juga mungkin dalam ketaatan dan ibadah kepada Allah SWT, seperti dalam firman-Nya:

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ لِعِبَادَتِهِ هَلْ تَعْلَمُ لَهُ سَمِيًّا ۝٦٥

Ertinya: “Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara kedua-duanya; oleh itu, sembahlah engkau akan Dia dan bersabarlah dengan tekun dalam beribadat kepada-Nya; adakah engkau mengetahui sesiapa pun yang senama dan sebanding dengan-Nya?”

(Surah Maryam 19: 65)

3. Kesabaran juga mungkin terhadap kehendak nafsu yang tidak disukai oleh Allah seperti kesabaran untuk tidak membalas kejahatan dengan kejahatan yang sama, seperti dalam firman-Nya:

وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُمْ بِهِ ۖ وَلَئِنْ صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِلصَّابِرِينَ ١٢٦

Ertinya: “Dan jika kamu membalas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalas dengan kejahatan yang sama seperti yang telah ditimpakan kepada kamu, dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih bagi orang-orang yang sabar.”

(Surah al-Nahl 16: 126)

Taubat Kepada Allah

Taubat bermaksud kembali kepada Allah. Manusia pada asalnya sepatutnya sentiasa mentaati Allah. Dengan melakukan maksiat, dia telah menjauhkan dirinya daripada Allah dan menjadi jauh daripada rahmat-Nya. Maka dengan taubatlah, dia memperbaiki jalannya dan mengembalikan dirinya ke kedudukan yang benar di sisi Tuhannya.

Al-Quran menyebutkan perintah agar semua orang beriman untuk bertaubat:

وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٣١

Ertinya: *“Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman supaya kamu berjaya.”*

(Surah an-Nur 24: 31)

Taubat yang dituntut juga adalah taubat nasuha. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ
وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

Ertinya: *“Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan ‘taubat nasuha’, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai.”*

(Surah at-Tahrim 66: 8)

Taubat nasuha ialah taubat yang mengandungi perasaan menyesal dan sedih atas dosa yang telah dilakukan, dengan tekad yang kuat untuk tidak kembali melakukannya, disertai juga dengan meninggalkannya dan menggantikan perbuatan buruk yang dilakukan dengan perbuatan baik.

Takwa Kepada Allah

Keseluruhan akhlak agama terkandung dalam perkataan yang menyeluruh ini, iaitu takwa.

Takwa merupakan perintah Allah untuk generasi dahulu dan kemudian seperti yang difirmankan dalam al-Quran:

وَلَقَدْ وَصَّيْنَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَإِيَّاكُمْ أَنْ اتَّقُوا اللَّهَ

Ertinya: *"Dan demi sesungguhnya, Kami telah perintahkan orang-orang yang diberi Kitab dahulu daripada kamu, dan juga (perintahkan) kamu, iaitu hendaklah bertakwa kepada Allah."*

(Surah an-Nisa' 4: 31)

Takwa juga merupakan bekal terbaik yang dibawa oleh seseorang dalam perjalanannya menuju ke alam akhirat. Firman Allah SWT:

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ

Ertinya: *"Dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa."*

Takwa bukanlah upacara, bukanlah kata-kata, bukanlah juga penampilan tertentu dan sebagainya. Namun begitu, takwa merupakan hati yang yakin akan pengawasan Allah SWT, kepastian bertemu dengan-Nya serta perhitungan dan pembalasan-Nya sehingga orang tersebut menjauhi apa yang dimurkai-Nya dan berusaha melakukan apa yang diredai-Nya.

Daripada Abu Hurairah, Nabi ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ، وَأَعْمَالِكُمْ.

Ertinya: “Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kamu, namun Dia melihat kepada hati dan amalan kamu.”

(Riwayat Muslim, no. 2654)

Itulah takwa yang Nabi SAW tunjukkan keberadaannya di dada (hati) sebanyak tiga kali dengan berkata:

التَّقْوَى هَاهُنَا.

Ertinya: “Takwa itu di sini.”

(Riwayat Muslim, no. 2564)

Penutup

Daripada Husain bin Ali, diriwayatkan Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ مَعَالِيَ الْأُمُورِ وَأَشْرَافَهَا، وَيَكْرَهُ سَفَاسِفَهَا.

Ertinya: “Sesungguhnya Allah SWT menyukai perkara-perkara (akhlak-akhlak) yang tinggi dan mulia, dan Allah SWT juga membenci perkara-perkara (akhlak-akhlak) yang keji.”

(Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu‘jam al-Kabir, no. 2894)

Hadis ini mengingatkan kita tentang kepentingan memiliki akhlak yang tinggi dan mulia dalam segenap aspek kehidupan. Moga-moga kita tergolong dalam kalangan mereka yang dicintai dan diredai Allah SWT. Oleh itu, beribadahlah kepada Allah dengan menjaga akhlak dan adab yang sepatutnya.

SESI KEEMPAT

AKHLAK SECARA INDIVIDU

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan mengenali dan mempelajari beberapa akhlak terhadap diri atau secara individu termasuklah tawaduk, memelihara masa dan lain-lain.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Bersifat Malu
- Merendah diri dengan Tawaduk
- Bersifat Optimis
- Menjaga Diri dengan Sifat 'Iffah
- Menjaga Kebersihan
- Bersifat Qanaah
- Beramal dengan Sifat Tabayyun
- Memelihara Masa
- Penutup

Pendahuluan

Sebuah kata-kata hikmah menyebutkan:

الْعِلْمُ بِلَا عَمَلٍ كَالشَّجَرِ بِلَا ثَمَرٍ.

Ertinya: *"Ilmu tanpa amal ibarat pokok tanpa buah."*

Ilmu yang banyak dipelajari dan sijil yang banyak diperolehi sudah tentu cantik pada mata manusia seperti sebuah pohon yang indah dan cantik. Namun, keindahan dan kecantikan pokok itu hanyalah keindahan dan kecantikan yang sia-sia jika ia tidak berbuah kerana dengan buahlah ia mampu menghilangkan lapar dan dahaga.

Begitulah ibaratnya ilmu tanpa amal. Cantik dan nampak mahir pada zahir, namun tiada kesan positif yang hadir dan lahir.

Antara kemuliaan para sahabat dan salafusoleh ialah mereka mengamalkan ilmu yang mereka pelajari lalu kemudian mereka menikmati hasil daripada mereka beramal dengan ilmu tersebut.

Al-Khatib al-Baghdadi dalam Al-Jami'li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami' menukilkkan kata-kata Imam Ahmad bin Hanbal yang menyebut, "Tidaklah aku menulis sebuah hadis daripada Nabi SAW melainkan aku telah mengamalkan kandungannya. Sehingga pernah pada suatu hari, aku mendapati hadis yang meriwayatkan bahawa Nabi SAW berbekam lalu memberi satu dinar kepada Abu Taybah. Aku pun berbekam dan memberi kepada tukang bekam satu dinar."

Begitulah sepatutnya peranan ilmu. Mengamalkan ilmu dapat membantu seseorang dalam memperbaiki akhlaknya sendiri. Orang yang benar-benar berilmu sudah pasti akhlak individunya juga mencerminkan ilmunya.

Bersifat Malu

Sifat malu adalah apabila seseorang mengekang dirinya daripada melakukan perkara yang dipandang buruk dari segi syarak, akal atau adat. Sifat ini merupakan suatu kekangan dalaman yang menghalang seseorang daripada terlibat dalam keburukan dan kejahatan tanpa perlu berasa takut atau mengharapkan sesuatu daripada orang lain.

Ibn Miskawaih dalam Tahdzib al-Akhlak berkata: “Perkara pertama yang perlu diperhatikan pada kanak-kanak dan perkara itu menunjukkan kecerdasannya ialah sifat malu. Sifat ini menunjukkan bahawa dia sudah dapat merasakan keburukan dan dengan merasakannya, dia menjadi berhati-hati, mengelakkannya serta mempunyai rasa takut daripada keburukan itu muncul daripadanya atau terdapat padanya.

Jika anda melihat seorang kanak-kanak dan mendapati dia pemalu, menundukkan pandangannya ke bumi, tidak menunjukkan wajah kurang ajar dan tidak menatap anda secara langsung, maka ini adalah tanda pertama kecerdasannya, bukti bahawa dirinya sudah merasakan kebaikan dan keburukan, dan sifat malunya adalah dia mengundurkan dirinya dengan sebab takut terhadap keburukan yang mungkin muncul. Ini tidak lain hanyalah kerana dia mengutamakan kebaikan dan menjauhkan diri daripada keburukan dengan membuat pertimbangan dan juga berfikir.”

Rasulullah SAW telah menyeru dan mengajarkan umatnya tentang sifat malu ini. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

الإِيمَانُ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً، وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

Ertinya: “Iman mempunyai lebih daripada enam puluh cabang, dan malu adalah sebahagian daripada iman.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 9)

Dalam hadis yang lain, Abu Mas’ud menyebutkan bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ: إِذَا لَمْ تَسْتَخِيْ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ

Ertinya: “Salah satu perkara yang diwarisi manusia daripada perkataan para nabi terdahulu ialah: ‘Jika engkau tidak malu, lakukanlah apa yang engkau mahu.’”

(Riwayat al-Bukhari, no. 3296)

Namun begitu, ada masanya keberanian dalam menegakkan kebenaran juga diperlukan. Sebagai contoh, sifat malu yang berlebihan boleh membawa kepada rasa malu yang melampau sehingga hak-hak pun tergadai. Oleh sebab itulah, terdapat perkara-perkara yang tidak sepatutnya seseorang berasa malu seperti mempelajari agama, mencari kebenaran dan mengingkari kemungkaran.

Merendah Diri Dengan Tawaduk

Tawaduk ini adalah apabila seseorang itu melepaskan sifat sombong, berbangga diri dan kagum pada diri sendiri. Kesemua ini adalah penyakit yang merosakkan dan sifat-sifat buruk yang akan membawa kehancuran dan kebinasaan.

Maksud tawaduk ialah merendahkan dirinya dengan orang lain atau tidak memperlakukan orang lain dengan rasa tinggi diri atau merendah-rendahkan mereka, atau dirinya merasakan tidak perlu pun kepada mereka. Peringatan Allah dan Rasul-Nya begitu kuat dan keras sekali terhadap golongan ini.

Firman Allah SWT:

وَيَوْمَ الْقِيَمَةِ تَرَى الَّذِينَ كَذَبُوا عَلَى اللَّهِ وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى
لِّلْمُتَكَبِّرِينَ ٦٠

Ertinya: “Dan pada hari kiamat, engkau akan melihat orang-orang yang berdusta terhadap Allah (dan yang menyatakan kesedihan itu) – muka mereka hitam legam; bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka Jahannam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang yang sombong takbur?”

(Surah az-Zumar 39: 60)

Begitu juga firman Allah SWT:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ١٨

Ertinya: *“Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.”*

(Surah Luqman 31: 18)

Manakala Abdullah bin Mas'ud pula meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ

Ertinya: *“Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada sebesar zarah perasaan sombong.”*

(Riwayat Muslim, no. 91)

Bersifat Optimis

Optimis ialah melihat kehidupan ini, masa ini dan masa depan dengan pandangan yang berunsurkan pengharapan dan kegembiraan. Oleh itu, seorang Muslim tidak seharusnya melihat semua perkara di sekelilingnya dengan pandangan kelam, hitam atau negatif sahaja termasuklah pandangannya terhadap dirinya sendiri, orang lain mahupun alam sekitar.

Rasulullah SAW sangat menyukai petanda baik dan menolak sekeras-kerasnya kepercayaan kepada sial serta menganggapnya sebagai sejenis syirik. Begitulah pandangan masyarakat Arab jahiliah tentang kepercayaan al-tiyarah. Al-tiyarah ini ialah mereka menganggap sial pada sesuatu perkara.

Sabda Nabi SAW:

الطَّيْرَةُ شِرْكٌ، الطَّيْرَةُ شِرْكٌ، الطَّيْرَةُ شِرْكٌ. ثَلَاثًا

Ertinya: “Al-tiyarah adalah syirik, al-tiyarah adalah syirik, al-tiyarah adalah syirik (Baginda menyebutnya tiga kali).”

(Riwayat Abu Daud, no. 3915)

Seandainya pada suatu hari nanti, dunia ini tiba-tiba berubah menjadi gelap, seorang Muslim sejati pasti yakin bahawa setelah kegelapan ini pasti akan ada fajar yang terbit memberi sinar dan pada dan bersama kesulitan itu ada kemudahan. Dia tidak akan berputus asa daripada mendapatkan kesenangan setelah kesulitan ataupun kelegaan setelah kesempitan. Bagaimana mungkin dia berputus asa, sedangkan al-Quran menerangkan bahawa sikap putus asa ini sebagai sifat orang-orang kafir dan ia juga jalan kesesatan.

Dalam al-Quran, Allah SWT sebutkan pesan Nabi Ya'qub a.s.:

وَلَا تَأْيِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْيِسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ٨٧

Ertinya: *"Dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir."*

(Surah Yusuf 12: 87)

Dalam al-Quran juga Allah SWT sebutkan pesan Nabi Ibrahim a.s.:

قَالَ وَمَنْ يَقْنَطُ مِنْ رَحْمَةِ رَبِّهِ إِلَّا الضَّالُّونَ ٥٦

Ertinya: *"Dan tiadalah sesiapa yang berputus asa daripada rahmat Tuhannya melainkan orang-orang yang sesat."*

(Surah al-Hijr 15: 56)

Seorang Muslim tidak akan merasakan sempit dengan kehidupan walaupun dia dikelilingi oleh kesusahan. Hal ini kerana dia tahu bahawa pada setiap kesusahan mengandungi anugerah dan kurniaan daripada-Nya, yang padanya juga mengandungi penyucian diri, pendidikan dan juga pengajaran.

Seorang Muslim mengharapkan pahala daripada Allah atas perkara yang menyimpannya, lalu dengan inilah, perkara yang dianggap musibah yang menimpa kepada orang lain, bagi seorang Muslim adalah sebuah nikmat baginya sehingga dia menghadapinya dengan rasa syukur lebih daripada rasa sabar.

Menjaga Diri Dengan Sifat 'Iffah

'Iffah bermaksud menjaga kesucian diri daripada perkara-perkara yang haram. Ia merujuk kepada menjauhi dan menghindari apa yang dilarang Allah SWT yang akan merosakkan manusia di dunia dan melayakkan pelakunya ke api neraka di akhirat kelak.

Dua jenis perkara yang sangat merosakkan dan membinasakan ini adalah yang berkaitan dengan syahwat perut dan syahwat kemaluan. Oleh itu, seorang Muslim perlu:

1) Menjaga kesucian diri dari sudut syahwat perut

'Iffah dari sudut ini merangkumi perbuatan menjauhi makanan yang haram, mencari rezeki yang haram contohnya riba dan judi atau melibatkan kezaliman, penipuan dan apa sahaja yang melibatkan mengambil harta orang lain secara batil. Banyak sekali ayat al-Quran yang menyentuh berkenaan perkara ini.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu."

(Surah an-Nisa' 4: 29)

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ۚ ۲۷۸ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا
فَأَذْنُوبُ بَحْرَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman. Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: Akan adanya peperangan daripada Allah dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat).”

(Surah al-Baqarah 2: 278 – 279)

2) Menjaga kesucian diri dari sudut syahwat kemaluan

‘Iffah dari sudut ini merangkumi menjaga diri daripada terjerumus ke hubungan seksual yang tidak halal termasuklah dengan menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan mereka.

Firman Allah SWT:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا
يَصْنَعُونَ ۚ ۳۰ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ ۚ

Ertinya: “Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka.”

(Surah an-Nur 24: 30 - 31)

Hal ini tidaklah bermaksud perlunya dikekang fitrah dan perasaan terhadap pasangan berlainan jantina, sebaliknya ia bermaksud pada hubungan yang haram.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأُزْوَاجِهِمْ حَافِظُونَ ۝ إِلَّا عَلَىٰ أَرْوَاحِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ
مَلُومِينَ ۖ فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ۖ

Ertinya: *“(Termasuk dalam golongan orang beriman yang berjaya) Mereka yang menjaga kehormatannya. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas.”*

(Surah al-Mu'minun 23: 5 – 7)

Oleh itu, Islam sangat melarang zina dan menganggapnya sebagai dosa besar. Bahkan, Islam mengharamkan segala jalan yang mendekatinya seperti berhias dengan perhiasan yang melampau atau memandang dengan penuh nafsu, atau berkhalwat dan berdua-duaan.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ۚ

Ertinya: *“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”*

(Surah al-Israa' 17: 32)

Pada ayat al-Quran ini dapat difahami bahawa pengharaman zina bukan sekadar pada zina, bahkan diharamkan juga mendekati zina untuk menutup segala pintu yang dapat membawa kepada perbuatan keji dan menutup peluang yang membawa kepada perzinaan.

Menjaga Kebersihan

Islam menyukai umatnya untuk menjaga kebersihan secara keseluruhan sama ada secara lahiriah mahupun batiniah. Perkara ini ditegaskan dalam al-Quran dengan firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Ertinya: *“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa menyucikan diri.”*

(Surah al-Baqarah 2: 222)

Taubat di sini merujuk kepada kebersihan batiniah atau rohani, manakala penyucian diri merujuk kepada kebersihan lahiriah atau fizikal.

Untuk melatih umat Islam agar kebersihan atau penyucian menjadi sifat yang sentiasa diamalkan, Islam mensyaratkan kebersihan untuk solat. Oleh itu, topik pertama yang dipelajari oleh seorang Muslim dalam ilmu fiqh adalah berkenaan taharah, iaitu hukum-hakam bersuci.

Antara ayat terawal yang diturunkan dalam al-Quran juga ialah firman Allah SWT:

وَيَا بَكَ فَطَهِّرْ ء

Ertinya: *“Dan pakaianmu, hendaklah engkau bersihkan.”*

(Surah al-Muddaththir 74: 4)

Islam sangat menitikberatkan kebersihan tubuh secara umum dan bahagian-bahagian tertentu secara khusus seperti menjaga kebersihan mulut dengan bersiwak atau memberus gigi, membersihkan tangan, menghilangkan bulu-bulu yang tidak perlu seperti bulu kemaluan, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan seumpamanya.

Bersifat Qanaah

Qanaah bermaksud reda dengan apa yang Allah berikan kepada manusia. Sifat ini mengurangkan rasa tamak dan keinginan untuk memiliki apa yang bukan miliknya dan apa yang ada pada orang lain. Sesetengah orang, jika diberikan harta kekayaan Qarun sekalipun tidak akan memuaskan keinginannya dan tidak akan menghilangkan dahaganya.

Orang seperti ini tidak berpuas hati dengan sedikit dan tidak pula kenyang dengan banyak. Dia mempunyai sifat tamak yang tidak berkesudahan. Setiap kali ditanya, “Adakah kamu sudah penuh atau sudah habis?”, dia akan menjawab, “Adakah ada lagi?”

Di sinilah Islam mengajar erti kekayaan yang sebenar. Daripada Abu Hurairah, sabda Nabi SAW:

لَيْسَ الْغِنَى عَنْ كَثْرَةِ الْعَرَضِ، وَلَكِنَّ الْغِنَى غِنَى النَّفْسِ.

Ertinya: “Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, akan tetapi kekayaan itu adalah kekayaan jiwa.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 6081)

Kekayaan bukanlah tentang memiliki wang yang banyak tetapi ia adalah tentang perasaan kepuasan yang ada dalam diri. Tidak akan pernah cukup bagi seseorang itu jika peti besinya penuh dengan emas dan permata, namun jiwanya kosong daripada perasaan reda. Reda inilah harta yang tidak ternilai harganya.

Antara perkara yang dapat membantu seorang Muslim untuk puas dengan apa yang Allah kurniakan adalah melihat nikmat Allah padanya dengan pandangan yang realistik. Apabila dia kembali merenung, dia sepatutnya akan mendapati bahawa nikmat yang kecil itu sebenarnya besar, nikmat yang sedikit itu sebenarnya banyak dan nikmat kelihatan remeh itu sebenarnya sangatlah berharga.

Cukuplah baginya untuk merasakan keamanan, kesihatan dan makanan yang cukup kerana itu lebih baik baginya daripada harta yang melimpah-ruah. Ajarkan diri untuk tidak selalu melihat kepada mereka yang mempunyai nasib lebih baik dari segi material kerana ia hanyalah memenatkan dan membuatkan hati lebih sakit. Sebaliknya, lihatlah kepada mereka yang kurang bernasib baik dan dengan itu, dia akan mendapati bahawa dirinya lebih baik dan beruntung berbanding mereka.

Dalam perkara ini, Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

انْظُرُوا إِلَى مَنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ، وَلَا تَنْظُرُوا إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقَكُمْ. فَهُوَ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزْدُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ.

Ertinya: *“Lihatlah kepada orang yang berada di bawahmu (dalam permasalahan dunia) dan janganlah engkau memandang kepada orang yang berada di atasmu. Hal ini kerana ia lebih baik supaya kamu tidak meremehkan nikmat yang Allah kurniakan kepadamu.”*

(Riwayat Muslim, no. 2963)

Beramal Dengan Sifat Tabayyun

Tabayyun bermaksud meneliti terlebih dahulu kebenaran dan ketepatan sesuatu berita atau maklumat yang diterima bagi mengelakkan sebarang agenda atau perkara yang tidak baik berlaku seperti fitnah, penipuan ataupun memburuk-burukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian.

Islam tidak membenarkan seseorang Muslim untuk sekadar tunduk kepada setiap khabar angin atau menuruti setiap bisikan yang datang, atau mempercayai setiap perkara yang didengar. Sebaliknya, seorang Muslim diwajibkan untuk tidak menerima dakwaan kecuali dengan bukti yang jelas dan tidak menerima berita kecuali daripada sumber yang sahih.

Seorang Muslim juga diingatkan untuk berhati-hati dan tidak bermudah-mudah mengikuti sangkaan atau tanggapan, atau berpegang kepada emosi dan hawa nafsu, atau mengikuti orang lain secara membuta tuli.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ
فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ٦

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

(Surah al-Hujuraat 49: 6)

Allah SWT telah memberikan manusia “alat” untuk manusia menyemak dan menilai, maka dia tidak seharusnya mengabaikannya. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ ءِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ
كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ٣٦

Ertinya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”

(Surah al-Israa’ 17: 36)

Memelihara Masa

Masa merupakan anugerah daripada Allah kepada manusia untuk diambil manfaatnya dalam urusan dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِّمَنۢ أَرَادَ أَنۢ يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا ٦٢

Ertinya: “Dan Dialah yang menjadikan malam dan siang silih berganti untuk sesiapa yang mahu beringat (memikirkan kebesaran-Nya), atau mahu bersyukur (akan nikmat-nikmat-Nya itu).”

(Surah al-Furqan 25: 62)

Hal ini bermakna Dia menjadikan malam mengikuti siang dan siang mengikuti malam, maka sesiapa yang terlepas peluang dalam salah satunya, dia boleh mengimbangnya dengan mengambil peluang pada yang satu lagi waktu.

Nabi Muhammad SAW juga menekankan kepentingan masa dalam hadis-hadis Baginda. Antaranya termasuklah seperti apa yang diriwayatkan Ibnu Abbas, sabda Nabi SAW:

اَغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَغِنَاءَكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ.

Ertinya: “Manfaatkan lima perkara sebelum lima perkara (yang lain): Mudamu sebelum tuamu, sihatmu sebelum sakitmu, kekayaanmu sebelum kemiskinanmu, waktu luangmu sebelum waktu sibukmu dan kehidupanmu sebelum kematianmu.”

(Riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, no. 7846)

Pepatah juga ada menyebutkan “masa itu emas” untuk menunjukan betapa berharganya masa itu. Kata Hasan al-Basri pula:

ابْنِ آدَمَ، إِنَّمَا أَنْتَ أَيَّامٌ. وَكُلَّمَا ذَهَبَ يَوْمٌ، ذَهَبَ بَعْضُكَ

Ertinya: “Wahai anak Adam, engkau hanyalah sekelompok hari. Setiap kali berlalunya satu hari, sebahagian daripadamu juga berlalu.”

Oleh itu, seorang Muslim seharusnya memanfaatkan waktu-waktu yang dikurniakan oleh Allah SWT agar digunakan sebaik-baiknya.

Penutup

Orang-orang yang menuntut ilmu sepatutnya mempunyai kesan yang mendalam terhadap pembentukan akhlaknya. Ilmu bukan sahaja memberi pengetahuan tetapi juga membentuk peribadi dan tingkah laku. Kata Hasan al-Basri:

قَدْ كَانَ الرَّجُلُ يَطْلُبُ الْعِلْمَ فَلَا يَلْبَثُ أَنْ يَرَى ذَلِكَ فِي تَخَشُّعِهِ وَهَدْيِهِ
وَفِي لِسَانِهِ وَبَصَرِهِ وَبِرِّهِ.

Ertinya: “Dahulu, seseorang yang menuntut ilmu tidak akan mengambil masa lama sehingga kesannya itu dapat dilihat pada kekhusyukannya, perilakunya, tutur katanya, pandangannya dan kebajikannya.”

SESI KELIMA

AKHLAK DALAM BERMASYARAKAT

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan mengenali dan mempelajari beberapa akhlak dalam bermasyarakat seperti beramal kebajikan, bersifat adil dan lain-lain.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Beramal Kebajikan
- Bersifat Adil
- Mempraktikkan Nilai Ehsan
- Bersifat Rahmat
- Menunaikan Janji
- Berbaik Sangka
- Memuliakan Jiran
- Memberi Makan kepada Orang Miskin
- Penutup

Pendahuluan

Ibnu Kathir dalam al-Bidayah wa al-Nihayah menukilkan kisah tentang Umar al-Khattab yang sangat memberikan inspirasi.

Hamba kepada Umar bin al-Khattab, iaitu Aslam bercerita bahawa suatu malam mereka sedang berjalan-jalan seperti yang menjadi kebiasaan Khalifah Umar untuk melihat hal-ehwal rakyatnya. Lalu ketika berjalan itu, tiba-tiba dari kejauhan mereka ada melihat kelibat cahaya api. Umar lantas berkata, "Wahai Aslam, boleh jadi api ini dinyalakan oleh rombongan musafir yang sedang berehat di tengah malam. Mari kita bertemu mereka."

Apabila tiba, mereka melihat seorang wanita bersama anak-anaknya. Di atas api pula terdapat sebuah periuk, sementara anak-anaknya menangis.

Umar pun mengucapkan salam, "Assalamualaikum, wahai pemilik api." Wanita tersebut pun menjawab salam dan Umar kemudian bertanya lagi, "Bolehkah aku datang dekat?"

Kata wanita tersebut, "Terpulang kepadamu."

Umar pun datang mendekatinya dan bertanya, "Apa yang terjadi kepada kalian?"

Jawab wanita itu, "Kami tidak dapat tidur kerana kesejukan."

Umar bertanya lagi, "Mengapa pula anak-anakmu menangis?"

Lalu wanita itu pun menjawab, "Kerana mereka lapar."



Umar pun melihat bertanya tentang, “Apa yang engkau sedang masak di atas api itu?”

Wanita itu menjawab lagi, “Sebenarnya aku tidak memasak apa-apa. Periuk ini berisi air sahaja. Aku berpura-pura memasak agar anak-anakku menunggu sehingga letih dan tertidur.”

Peristiwa ini sungguh menyedihkan. Seorang ibu tunggal bergelut dengan kemiskinan. Anak-anaknya pula kelaparan. Tiada siapa pun yang tahu di tengah-tengah malam pula.

Umar menangis melihat semua ini. Beliau terus berlari ke gudang penyimpanan makanan. Beliau mengambil sekarung gandum dan sekarung samin. Beliau lalu berkata, “Wahai Aslam, letakkan kedua-dua karung ini di atas belakangku.”

Aslam pun berkata, “Biarkanlah aku memikulnya untukmu.”

Umar menolak dan berkata, “Adakah kamu akan memikul dosaku pada hari kiamat?”

Umar pun memikul sendiri karung tersebut lalu kembali ke tempat wanita tadi. Apabila sampai ke sana, Umar masakkan pula untuk mereka. Sese kali beliau meniup api sehingga asap menyusup ke dalam janggutnya.

Apabila makanan itu siap, Umar meminta diambikkan pinggan. Beliau lalu menyendukkan makanan itu ke dalam pinggan dan menghidangkan sendiri kepada mereka. Mereka pun menikmati makanan tersebut sehingga kenyang.





Wanita itu sungguh berterima kasih kepadanya dan berdoa untuknya tanpa mengetahui bahawa beliau adalah Khalifah yang berkuasa dan sahabat Nabi yang mulia. Umar terus duduk bersama mereka sehinggalah anak-anak itu tertidur. Umar juga menyerahkan sejumlah bantuan kepada mereka sebelum meninggalkan mereka.

Umar lalu berkata kepada Aslam:

يَا أَسْلَمُ، الْجُوعُ الَّذِي أَشْهَرَهُمْ وَأَبْكَاهُمْ

Ertinya: *“Wahai Aslam, lapar itulah yang telah menghalang mereka daripada tidur dan membuatkan mereka menangis.”*

Kisah ini menggambarkan akhlak yang sangat mulia dalam konteks bermasyarakat terutamanya melalui sikap Umar bin al-Khattab, seorang pemimpin yang menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab sosial yang tinggi.

Beramal Kebajikan

Agama Islam sangat memandangi tinggi perbuatan baik atau amal kebajikan dalam masyarakat yang memberi manfaat kepada orang lain. Al-Quran menjadikan amal kebajikan sebagai salah satu daripada tiga komponen penting dalam kehidupan masyarakat Muslim menerusi firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾ وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ ۚ هُوَ اجْتَبَاكُمْ

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang) dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkan-Nya) serta kerjakanlah amal-amal kebajikan supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya).”

(Surah al-Hajj 22: 77–78)

Daripada ayat al-Quran ini, kita dapat memahami komponen pertama yang penting itu ialah solat dengan rukuknya dan sujudnya atau dengan bahasa umumnya adalah ibadah secara umum yang mencerminkan kewajipan seorang Muslim kepada Tuhannya.

Komponen kedua pula ialah amal kebajikan dengan maksudnya yang luas dan mendalam (iaitulah merangkumi apa sahaja perkara berbentuk kebajikan atau kebaikan) yang merupakan komponen penting yang mencerminkan kewajipan Muslim kepada masyarakatnya.

Komponen ketiga pula ialah jihad pada jalan Allah untuk memberi petunjuk kepada manusia dan menyebarkan risalah dan mesej agama Islam dalam kalangan mereka, iaitulah yang mencerminkan kewajipan seorang Muslim terhadap dunia keseluruhannya.

Beramal kebajikan atau berbuat baik ini tidak terhad dalam lingkungan umat Islam sahaja, namun ia mencakupi seluruh manusia termasuk orang yang bukan Islam selagi mana mereka berdamai dan tidak memusuhi Islam. Inilah sebagaimana firman Allah SWT:

لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Ertinya: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

(Surah al-Mumtahanah 60: 8)

Al-Quran tidak hanya mendorong untuk bersikap adil dan berlaku adil terhadap mereka tetapi juga mendorong untuk berbuat baik kepada mereka. Begitulah juga orang-orang Muslim diseru untuk menggalas misi menyebarkan kebaikan ini. Firman Allah SWT:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤

Ertinya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

(Surah Ali ‘Imran 3: 104)

Bersifat Adil

Keadilan mendapat tempat yang sangat penting dalam agama Islam. Ia merupakan salah satu nilai asas yang mengatur kehidupan dan mencegah masyarakat daripada runtuh. Islam menyeru kepada keadilan dan memerintahkannya dalam pelbagai aspek kehidupan. Sebagai contoh, Islam menganjurkan keadilan dalam berkata-kata. Firman Allah:

وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا

Ertinya: *“Dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil.”*

(Surah al-An‘am 6: 152)

Begitu juga keadilan dalam penulisan. Firman Allah SWT:

وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ

Ertinya: *“Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar).”*

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Begitu juga keadilan dalam persaksian. Firman Allah SWT:

وَأَشْهِدُوا ذَوَيْ عَدْلٍ مِّنكُمْ

Ertinya: *“Dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu.”*

(Surah at-Talaq 65: 2)

Begitu juga dalam urusan perkahwinan. Firman Allah SWT:

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً

Ertinya: “Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.”

(Surah an-Nisa’ 4: 3)

Bahkan dalam seluruh aspek kehidupan. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠

Ertinya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini) supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.”

(Surah al-Nahl 16: 90)

Seorang Muslim mesti berlaku adil dengan individu yang mempunyai pertalian jauh dan dekat, dengan musuh dan rakan, dan dengan bukan Muslim dan Muslim. Seseorang itu tidak boleh dipengaruhi oleh emosi sayang untuk memihak kepada saudara atau rakan dan tidak juga oleh emosi benci untuk berlaku tidak adil kepada orang yang mempunyai pertalian jauh (termasuk orang asing) ataupun musuh.

The background of the page is a detailed, light-colored illustration of a mosque. It shows a large central dome, several minarets, and a courtyard with people. The style is reminiscent of traditional Islamic art or a high-quality architectural rendering.

Al-Quran memberikan peringatan tentang perkara ini. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ
عَلَىٰٓ أَلاَّ تَعْدِلُوا ۖ أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ۝٨

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

(Surah al-Ma’idah 5: 8)

Islam menetapkan keadilan untuk semua orang, sama ada mereka disayangi atau dibenci, dekat atau jauh, dan juga Muslim atau bukan Muslim. Sebagaimana Islam menuntut keadilan dengan tegas, Islam juga melarang kezaliman. Firman Allah SWT:

وَاللّٰهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ٥٧

Ertinya: “Dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim.”

(Surah Ali ‘Imran 3: 57)

Mempraktikkan Nilai Ihsan

Ihsan dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua jenis, iaitu. Ia sama ada ihsan yang berkaitan dengan perbuatan ataupun ihsan yang berkaitan dengan individu.

1) Ihsan dalam perbuatan

Ihsan jenis pertama ini adalah merupakan kebaikan berkaitan dengan perbuatan. Sebagai contoh, dalam bahasa Arab, jika seseorang itu melakukan perbuatan dengan ihsan maka ia bermaksud dia melakukannya dengan penuh baik, teliti dan berkualiti. Inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا ۝ ٣٠

Ertinya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh sudah tetap Kami tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang melakukan ihsan pada amalnya (berusaha memperbaiki amalnya).”

(Surah al-Kahfi 18: 30)

2) Ihsan dengan individu

Contoh bagi jenis ihsan ini ialah sebagaimana dalam firman Allah:

وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ

Ertinya: “Dan berbuat baiklah kepada kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin.”

(Surah al-Baqarah 2: 83)

Kedua-dua bentuk ihsan ini merupakan akhlak sejati bagi seorang Muslim. Seorang Muslim dituntut untuk melakukan setiap perbuatan dengan baik, sama ada berkaitan dengan ukhrawi ataupun duniawi. Ia bukanlah sesuatu yang sekadar pelengkap atau pilihan, yang boleh dilakukan atau ditinggalkan tetapi ia adalah ketetapan yang dituntut oleh agama Islam sendiri.

Iniilah sebagaimana yang dipelajari daripada hadis Nabi SAW yang popular, iaitu:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ. فَإِذَا قَتَلْتُمْ، فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ. وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ. وَلْيُجِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، فَلْيُرِخْ ذَبِيحَتَهُ.

Ertinya: “Sesungguhnya Allah SWT telah menetapkan ihsan ke atas semua perkara. Apabila kamu membunuh, maka bunuhlah dengan ihsan (baik). Sekiranya kamu menyembelih, maka ihsankanlah (perelokkanlah) sembelihan tersebut. Tajamkanlah alat sembelihan dan rehatkanlah haiwan sembelihan tersebut.”

(Riwayat Muslim, no. 1955)

Bersifat Rahmat

Rahmat merupakan satu sifat mulia dalam Islam. Al-Quran menjadikannya sebagai satu sifat penting dalam perutusan Nabi SAW. Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٠٧

Ertinya: *“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”*

(Surah al-Anbiyaa’ 21: 107)

Islam merupakan agama yang mengajak dan menyeru kepada rahmat dan kasih sayang. Bahkan ia dilibatkan dalam amalan hari ke hari seorang Muslim. Antara nama-nama Allah yang Maha Mulia - yang banyak kali disebut oleh umat Islam setiap hari dalam solat dan luar solat - adalah “Ar-Rahman Ar-Rahim.” Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ia berakar yang sama dengan perkataan rahmat ini sendiri. Saling menyayangi sesama manusia (*al-tarahum*) yang berasal-usulkan daripada perkataan rahmat inilah yang juga diajarkan sendiri dalam agama Islam.

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَا يَرْحَمُ، لَا يُرَحَمُ.

Ertinya: “Sesiapa yang tidak merahmati (menyayangi), maka dia tidak akan dirahmati (disayangi).”

(Riwayat al-Bukhari, no. 5651)

Kalaulah bukan kerana rahmat Allah, sudah pastilah kita ini tergolong dalam kalangan orang yang rugi. Firman Allah SWT:

فَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَكُنْتُمْ مِنَ الْخَاسِرِينَ ٦٤

Ertinya: “Kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihan-Nya kepada kamu (dengan membuka pintu taubat), nescaya menjadilah kamu daripada golongan orang-orang yang rugi.”

(Surah al-Baqarah 2: 64)

Menunaikan Janji

Apabila seorang Muslim membuat suatu perjanjian, maka dia wajib menunaikannya. Apabila dia menjanjikan sesuatu kepada orang lain, maka wajib bagi dirinya untuk memenuhinya.

Menepati janji membina kepercayaan dalam interaksi antara manusia. Oleh sebab itu, al-Quran memulakan salah satu surah yang besar, iaitu surah al-Ma'idah, dengan firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Ertinya: *"Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian."*

(Surah al-Ma'idah 5: 1)

Perjanjian yang telah dibina hendaklah ditunaikan kerana ia sudah menjadi tanggungjawab buat orang yang berjanji tersebut. Firman Allah SWT:

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا

Ertinya: *“Dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan dipertanggungjawabkan.”*

(Surah al-Israa’ 17: 34)

Memenuhi janji juga menjadi tanda keimanan yang sejati. Memungkiri janji pula menjadi tanda kemunafikan. Daripada Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda:

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ

Ertinya: *“Tanda-tanda orang munafik itu tiga: Apabila dia bercakap, dia berdusta; apabila dia berjanji, dia menyalahi janji; apabila dia diamanahkan, dia mengkhianati.”*

(Riwayat al-Bukhari, no. 33)

Berbaik Sangka

Maksud berbaik sangka (atau husnuzzan) ialah mendahulukan pandangan yang baik dan terang berbanding pandangan yang buruk dan gelap dalam menilai seseorang manusia. Ia termasuklah juga menganggap mereka dalam keadaan baik sejauh mana yang mungkin dengan anggapan bahawa kebaikan merupakan sifat asalnya manakala kejahatan adalah sifat yang mendatang atau sampingan sahaja, terutama bagi mereka yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta menerima Islam sebagai agama.

Ada sebuah kata-kata menyebutkan, “Dua sifat yang tidak ada yang lebih baik daripadanya, iaitulah berbaik sangka kepada Allah dan berbaik sangka kepada manusia. Manakala dua sifat yang tidak ada yang lebih buruk daripadanya, iaitulah berburuk sangka kepada Allah dan berburuk sangka kepada manusia.”

Al-Quran yang mulia juga mengingatkan untuk menjauhi sifat berburuk sangka:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa.”

(Surah al-Hujuraat 49: 12)

Sering kali berburuk sangka menyebabkan seseorang mengintai-ngintai kesalahan orang lain dan mengikuti aib mereka. Perkara inilah yang dilarang, yang kemudiannya membawa pula kepada mengumpat mereka dan menyebut-nyebut keburukan mereka di belakang mereka.

Inilah sebagaimana firman Allah SWT selepas sahaja memerintahkan agar menjauhi banyak prasangka:

وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا
فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ ١٢

Ertinya: *"Dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sesetengahnya yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani."*

(Surah al-Hujuraat 49: 12)

Memuliakan Jiran

Antara akhlak sosial dalam Islam yang dipesan dalam al-Quran dan hadis ialah berbuat baik kepada jiran. Firman Allah SWT:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ
وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ٣٦

Ertinya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.”

(Surah an-Nisa’ 4: 36)

Dalam ayat ini, Allah SWT mengingatkan hak jiran, sama ada jiran yang mempunyai hubungan kekerabatan, yakni mempunyai hak kekerabatan seperti saudara atau sepupu atau jiran yang jauh, yang tidak mempunyai hubungan kekerabatan melainkan hubungan kejiranan. Setiap daripada mereka mempunyai haknya masing-masing.

Ada jiran yang mempunyai satu hak, iaitu hak kejiranan. Ada yang mempunyai dua hak, iaitu hak kejiranan dan hak beragama Islam. Ada juga yang mempunyai tiga hak, iaitu hak kejiranan, hak beragama Islam dan hak kekerabatan.

Sama ada jiran itu di sebelah kanan atau kiri, depan atau belakang, semuanya mempunyai hak kejiranan. Semakin dekat jiran tersebut, semakin kuat dan kukuh haknya.

Jiran hendaklah menjaga dan menghormati hak jirannya. Muliakan mereka sebagaimana kita juga ingin dimuliakan. Nabi SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَلْيُحْسِنْ إِلَى جَارِهِ.

Ertinya: “Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya.”

(Riwayat Muslim, no. 48)

Jiran yang baik juga merupakan salah satu daripada perkara yang membahagiakan. Sa'd bin Abi Waqqas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَرْبَعٌ مِنَ السَّعَادَةِ: الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ، وَالْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ، وَالْجَارُ الصَّالِحُ، وَالْمَرْكَبُ الْهَنِيءُ. وَأَرْبَعٌ مِنَ الشَّقَاوَةِ: الْجَارُ السُّوءُ، وَالْمَرْأَةُ السُّوءُ، وَالْمَسْكَنُ الضَّيْقُ، وَالْمَرْكَبُ السُّوءُ.

Ertinya: “Empat tanda kebahagiaan adalah isteri yang solehah, tempat tinggal yang luas, jiran yang soleh dan kenderaan yang elok. Manakala empat tanda kesengsaraan adalah jiran yang buruk, isteri yang teruk, tempat tinggal yang sempit dan kenderaan yang buruk.”

(Riwayat Ibnu Hibban, no. 4542)

Memberi Makan Kepada Orang Miskin

Antara akhlak sosial yang diungkapkan dalam a-Quran ialah dorongan untuk memberi makan kepada orang miskin. Tidak diragukan lagi bahawa perkara pertama yang dicari oleh seorang manusia untuk melangsungkan kehidupannya adalah makanan.

Makan adalah hak dan keperluan pokok bagi seorang manusia yang tidak boleh diabaikan. Oleh sebab itu, al-Quran menegaskan hal ini ketika menjadikan dorongan untuk memberi makan kepada orang miskin sebagai salah satu kewajipan agama yang perlu dipenuhi dan tidak hairan jika isu ini disebutkan dalam salah sebuah surah Makkiyah, iaitu firman Allah SWT:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِاللَّيْنِ ۚ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ أَلْيَتَيْمَ ۚ وَلَا يَحْضُ عَلَىٰ طَعَامِ
الْمَسْكِينِ ۚ

Ertinya: “Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim; dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.”

(Surah al-Ma'un 107: 1–3)

Jangan pula tergolong dalam kalangan mereka yang mengingkari amal kebaikan ini, bahkan melakukan perkara-perkara yang diharamkan agama. Sebagaimana firman Allah:

كَذَٰلِكَ لَا تُكَرِّمُونَ أَلْيَتَيْمَ ۚ وَلَا تَحْضُونَ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ ۚ وَتَأْكُلُونَ
الْثَّرَاتِ أَكْثَرًا ۚ لَّمَّا ۚ وَتَحْبُونَ أَمْالَ حُبًّا جَمًّا ۚ

Ertinya: *“Jangan demikian, (sebenarnya kata-kata kamu itu salah). Bahkan (perbuatan kamu wahai orang-orang yang hidup mewah, lebih salah lagi kerana) kamu tidak memuliakan anak yatim, (malah kamu menahan apa yang ia berhak menerimanya); dan kamu tidak menggalakkan untuk memberi makanan (yang berhak diterima oleh) orang miskin; dan kamu sentiasa makan harta pusaka secara rakus (dengan tidak membezakan halal haramnya), serta kamu pula sayangkan harta secara tamak haloba!”*

(Surah al-Fajr 89: 17–20)

Janganlah menjadi golongan mereka yang kuat yang tidak mengakui hak orang-orang yang lemah. Jangan pula menjadi orang kaya yang tidak peduli dengan keperluan orang miskin, namun sibuk dengan diri mereka sendiri dan harta yang mereka kumpulkan dan simpan. Mereka tidak henti-henti mencintai harta yang mereka longgokkan dan langsung tidak peduli untuk memuliakan dan mendorong orang lain untuk memberi makan kepada orang-orang miskin.

Setiap individu dalam masyarakat memiliki kewajiban terhadap orang miskin sama ada memberi mereka makan daripada makanan yang mereka miliki atau mendorong dan mengajak masyarakat untuk memberi makan kepada mereka.

Penutup

Keimanan seseorang Muslim itu tidak lengkap dan sempurna tanpa akhlak yang baik dalam bermasyarakat dengan kita dianjurkan untuk mengasihi dan memperlakukan orang lain sepertimana kita mahu diperlakukan.

Daripada Anas bin Malik, Nabi SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Ertinya: *"Tidak beriman (dengan sempurna) seseorang kamu sehinggalah dia mengasihi saudaranya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri."*

(Riwayat al-Bukhari, no. 13)

SENARAI RUJUKAN PENTING

Bahasa Melayu:

1. Akhlak: Tahap Asas – Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).
2. Pendidikan Akhlak: Analisis dan Reka Bentuk Kurikulum – Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar dan Ab Halim Tamuri.
3. Peribadi Muslim – Prof. Emeritus Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid.
4. Indahnya Hidup Bersyariat – Dato' Ismail Kamus.
5. Rasul Mulia, Umat Mulia, Akhlak Mulia – Prof. Madya Dr. Umar Muhammad Noor.
6. 47 Superstar Syurga: Sahabat Inspirasi Sejagat – Prof. Madya Dr. Umar Muhammad Noor.

Bahasa Arab:

1. Akhlak al-Islam – Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi.
2. Ihya' 'Ulum al-Din – Imam al-Ghazali.
3. Tahdzib al-Akhlak – Ibn Miskawaih.
4. Khuluq al-Muslim – Muhamad al-Ghazali.